

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN
ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU NEGERI SELANGOR**

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

(At-Taubah:18)

1. NAMA

Garis Panduan ini boleh dinamakan Garis Panduan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor.

2. PEMAKAIAN

2.1 Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada Pemilihan Bendahari, Setiausaha, AJK, Wakil Pemuda, Wakil Wanita, Bilal Jenazah Wanita dan Pemeriksa Kira- Kira (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa Surau”) sahaja.

2.2 Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau akan dilaksanakan selepas Pencalonan Pegawai Surau.

3. LATARBELAKANG

Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Bil. 3/ 2016 yang telah bersidang pada 7 Mei 2016 telah memutuskan supaya Garis Panduan ini menggantikan Tatacara Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Surau Negeri Selangor Sesi Jun 2013 hingga Mei 2016 yang dikeluarkan pada 16 Januari 2013.

4. TUJUAN

4.1 Garis Panduan ini diwujudkan bertujuan untuk:

- (a) melaksanakan kehendak dan maksud Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah seksyen 104;
- (b) melaksanakan kehendak dan maksud Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 di bawah kaedah 6 dan kaedah 37; dan
- (c) merupakan rujukan mengenai tatacara Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dalam Negeri Selangor.

5. PELAKSANAAN

5.1 Kriteria umum pemilihan calon:

(a) Syarat kelayakan.

Setiap calon yang dipilih menjadi Anggota Jawatankuasa Surau bagi sesuatu kariah surau dalam Negeri Selangor hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;
- ii. beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah surau tersebut;
- iii. berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;
- iv. mempunyai pengetahuan agama Islam, berakhlak mulia dan melibatkan diri di dalam aktiviti surau;
- v. boleh membaca, menulis dan mengira;
- vi. sihat tubuh badan dan mental;
- vii. mempunyai daya kepimpinan;
- viii. bersedia mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 serta lain-lain garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid dan surau; dan
- ix. sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah.

(b) Gugur kelayakan.

Calon yang mempunyai kriteria seperti yang berikut adalah gugur kelayakan untuk dipilih menjadi Anggota Jawatankuasa Surau dalam Negeri Selangor:

- i. menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Masjid
- ii. Menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Surau dan Jawatankuasa Surau bagi surau yang lain;

- iii. disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
- iv. ditamatkan perkhidmatan atau dipecat oleh Majlis;
- v. diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan; atau
- vi. seseorang yang dilantik sebagai penasihat bagi tiap-tiap masjid/ surau dalam mukim dan kampung yang berkenaan.

5.2 Kriteria tambahan calon Setiausaha:

- (a) hendaklah memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran; atau
- (b) mampu berkomunikasi dengan baik.

5.3 Kriteria tambahan calon Bendahari:

- (a) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan urusan perakaunan; atau
- (b) memiliki pengalaman atau berkemahiran dalam bidang Pengurusan Kewangan.

5.4 Kriteria tambahan calon Pemeriksa Kira-kira:

- (a) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan urusan perakaunan; atau
- (b) memiliki pengalaman atau berkemahiran dalam bidang Pengurusan Kewangan.

5.5 Tempoh jawatan Anggota Jawatankuasa Surau

Mana-mana Anggota Jawatankuasa Surau hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh pelantikannya dan boleh dilantik semula.

5.6 Mesyuarat Agung Khas Pemilihan Jawatankuasa Surau

- (a) Anggota Jawatankuasa Surau boleh dipilih melalui Mesyuarat Agung Khas Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan ini dan dipengerusikan oleh

Pengerusi Surau berkenaan berdasarkan subkaedah 27(2) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.

- (b) Pegawai Masjid atau Jawatankuasa Kariah sesuatu kariah hendaklah mengawasi dan boleh mengendalikan urusan tatacara pemilihan calon Anggota Jawatankuasa Surau sebagaimana diperuntukkan di dalam subseksyen 104(2)(d) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan subkaedah 13(2)(g) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
- (c) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menyelia urusan tatacara pemilihan sebagaimana diperuntukkan di dalam subkaedah 7(1) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
- (d) Setiausaha Surau hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada ahli kariah surau dan salinan kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah dan Nazir Masjid sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau diadakan.
- (e) Pihak Surau hendaklah membuat hebahan seperti memasang kain rentang, membuat pengumuman pada 2 kali solat Jumaat (Surau Kebenaran Solat Jumaat) dan apa jua bentuk mekanisma hebahan yang sesuai bagi memastikan kehadiran ahli kariah ke Mesyuarat Agung Khas Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau.
- (f) Ahli kariah yang hadir hendaklah seseorang yang bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah surau tersebut sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Penetapan Status Ahli Kariah Masjid Dan Surau Negeri Selangor.
- (g) Agenda mesyuarat adalah seperti yang berikut:
 - i. bacaan surah Al-Fatihah dan doa;
 - ii. ucapan Pengerusi;
 - iii. taklimat khas tatacara pemilihan ;
 - iv. sesi pemilihan; dan
 - v. penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah al-Asr.

- (h) Bilangan Anggota Jawatankuasa Surau dalam Negeri Selangor yang dipilih adalah seperti yang berikut:
- i. seorang Setiausaha;
 - ii. seorang Bendahari;
 - iii. empat (4) orang AJK;
 - iv. seorang Wakil Pemuda;
 - v. seorang Wakil Wanita;
 - vi. seorang Bilal Jenazah Wanita; dan
 - vii. dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira.
- (i) Kaedah pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau hendaklah dibuat secara **sebulat suara atau lebih suara ahli kariah** yang hadir seperti mana yang diperuntukkan dalam subkaedah 27(2) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.
- (j) Setiausaha Surau hendaklah:
- i. mengisi Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Yang Diputuskan Dalam Mesyuarat Agung Khas Pemilihan; dan
 - ii. menyerahkan borang tersebut beserta salinan minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Surau kepada Pejabat Agama Islam Daerah dalam tempoh 7 hari bekerja selepas mesyuarat.

5.7 Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS

- a) Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi MAIS.
- b) Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS berperanan:
 - i. boleh melantik Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah bagi menyemak, menilai dan mengenal pasti kelayakan calon-calon Anggota Jawatankuasa Surau yang dicadangkan.
 - ii. menasihati dan membuat syor pemilihan calon yang layak untuk dilantik menjadi Anggota Jawatankuasa Surau kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor.

5.8. Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor

- a) Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi MAIS.
- b) Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor berperanan:
 - i. mengesahkan dan meluluskan senarai nama-nama Pegawai Surau untuk tujuan pelantikan
 - ii. mengeluarkan surat pelantikan

6. PENGECUALIAN


Walau apa pun yang ditentukan oleh garis panduan ini, Majlis boleh dalam keadaan tertentu yang difikirkan perlu, mengecualikan mana-mana orang atau peruntukan yang ditentukan oleh garis panduan ini.

7. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa mulai 15 Julai 2016.

8. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini maka Tatacara Pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Surau Negeri Selangor Sesi Jun 2013 hingga Mei 2016 adalah **dibatalkan**.


(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : Julai 2016



**BORANG PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU
YANG DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT AGUNG KHAS PEMILIHAN SURAU**

TAHUN: -----

NAMA SURAU :

KARIAH MASJID :

DAERAH :

TARIKH MESYUARAT :

ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU

BIL	JAWATAN	NAMA PENUJH	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL.	KELAYAKAN	CATATAN
01	SETIAUSAHA						
02	BENDAHARI						
03	AJK						
04	AJK						
05	AJK						
06	AJK						
07	WAKIL PEMUDA						

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
08	WAKIL WANITA						
09	BILAL JENAZAH WANITA						
10	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
11	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						

Disediakan oleh :

(Setiausaha Surau)

Tarikh :

Disemak oleh :

(Pengerusi Surau / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

(Pegawai Masjid atau wakilnya)

Tarikh :